



## SYARAT PERMOHONAN

<b>JAWATAN</b>	:	<b>PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM (SKOP KERJA : IMAM / BILAL)</b>
<b>GRED JAWATAN</b>	:	<b>S29 (TETAP)</b>
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	:	<b>SOSIAL</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	<b>PELAKSANA</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>		<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab. (Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau</li><li>(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau</li><li>(iii) Diploma dalam bidang tafsir Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,770.95).</li></ol></li></ol>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>		<ol style="list-style-type: none"><li>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</li></ol>
<b>SKOP KERJA</b>		<ol style="list-style-type: none"><li>3. (a) Melaksanakan tugas sebagai imam dan bilal di masjid UMT serta membantu melaksanakan program-program pengimaranan masjid dan pembangunan syiar Islam.</li><li>(b) Melaksanakan program-program penyelidikan berteraskan Islam dan sains.</li><li>(c) Melaksanakan program-program mempromosikan zakat, wakaf dan infaq.</li></ol>
<b>KEMAHIRAN TAMBAHAN</b>		<ol style="list-style-type: none"><li>4. (a) Berkebolehan menjadi imam dan bilal</li><li>(b) Mahir dalam pengajian Al-Quran</li><li>(c) Kemahiran teknologi maklumat, khususnya untuk melaksanakan program secara dalam talian</li><li>(d) Mahir dalam Microsoft Word, Microsoft Excel dan Power Point</li><li>(e) Kemahiran grafik</li></ol>
<b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>		<ol style="list-style-type: none"><li>5. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Hal Ehwal Islam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkusa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Gred S29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan :</li></ol>



- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

**TEMPOH PERCUBAAN**

**LATIHAN**

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA/PEPERIKSAAN**

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN  
POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED  
C32**

- 6. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- 7. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- 8. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- 9. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- 10. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- 11. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- 12. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- 13. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S32 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.